

27 MAY 2001

Landasan-Kapal Terbang

RM70 JUTA UNTUK BESARKAN LANDASAN KAPAL TERBANG DI PERLIS

KANGAR, 27 Mei (Bernama) -- Kerajaan pusat bersetuju memperuntukan wang sebanyak RM70 juta bagi membesarkan landasan kapal terbang di Sungai Batu Pahat dekat sini, kata Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim.

Menurut beliau, peruntukan itu bagi membina landasan sepanjang 700 meter bagi pendaratan kapal terbang kecil seperti "Fokker".

Shahidan berharap kedatangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Perlis esok akan memberi peluang kepadanya merayu peruntukan tambahan supaya landasan lebih panjang dapat dibina bagi membolehkan pendaratan kapal terbang lebih besar seperti jet eksekutif.

Beliau menyatakan demikian semasa berucap pada majlis perasmian Karnival Udara 2001 oleh Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, yang merupakan salah satu acara sempena pertabalan baginda, di landasan terbang Sungai Batu Pahat hari ini.

Menteri Besar berkata, disebabkan ketiadaan landasan untuk pendaratan kapal terbang lebih besar di negeri ini, kedatangan para pembesar negara seperti Seri Paduka Baginda Yang Dipertua Agong dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad ke Perlis terpaksa menggunakan lapangan terbang Kepala Batas di Kedah.

Shahidan memberi jaminan pembesaran landasan terbang di Sungai Batu Pahat itu tidak akan menjejaskan pengambilan tanah rakyat kerana kawasan persekitaran adalah tanah kerajaan dan tidak ada pemiliknya yang memegang geran hak milik.

Beliau bagaimanapun memberi jaminan kepada penduduk di kawasan terbabit jika tanah tempat tinggal mereka diambil kerajaan untuk pembesaran landasan kapal terbang berkenaan, bayaran pampasan akan diberi sama seperti tanah mereka.

Menteri Besar berharap tidak ada pihak yang akan mempolitikkan isu pembesaran landasan kapal terbang berkenaan kerana untuk memastikan Perlis terus membangun, semua pihak harus sedia bekerjasama dan memberi sokongan.

Terdahulu, dalam titah perasmian, Raja Perlis menyarankan agar usaha dibuat bagi membolehkan Karnival Udara Perlis dijadikan rangkaian produk perlancongan peringkat antarabangsa supaya boleh menarik ramai pelancong datang ke negeri ini.

Tambah baginda, Perlis boleh berjaya dalam menganjurkan karnival udara jika landasan kapal terbang kecil di Sungai Batu Pahat serta kawasan sekitarnya dibaik pulih dan diperbesarkan untuk dijadikan pemangkin bagi aktiviti berkaitan penerbangan sepanjang masa.

Kira-kira 400 peserta daripada kelab-kelab penerbangan seluruh negara dan peserta daripada Singapura dan Australia menyertai Karnival Udara selama empat hari itu yang membabitkan 35 pesawat ringan dan helikopter termasuk dari Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Unit Udara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Unit Udara Bomba dan Penyelamat Malaysia.

-- BERNAMA

RIS ZB